

INOVASI PENGAJARAN GURU DAN PENGARUHNYA: SUATU KAJIAN RINTIS DALAM KALANGAN GURU BAHASA ARAB

[TEACHING INNOVATION AND ITS INFLUENCE: A PILOT STUDY ON ARABIC LANGUAGE TEACHERS]

AMYLIA ADRINA ROSLAN^{1*} & HARUN BAHARUDIN¹

¹ Pendidikan Bahasa Arab, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Correspondent Email: p98139@siswa.ukm.edu.my

Received: 10 August 2024

Accepted: 20 October 2024

Published: 31 December 2024

Abstrak: Peredaran ke era pendidikan abad ke-21 telah menyediakan ruang kepada guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran dengan integrasi teknologi. Seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, guru-guru adalah digalakkan untuk menggunakan inovasi terkini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Walaupun kajian-kajian berkaitan inovasi pengajaran guru telah melaporkan impak yang positif, masih terdapat kekangan yang perlu diteliti khususnya dari segi kesediaan guru untuk menggunakan pelbagai teknologi atau inovasi. Justeru, kertas konseptual ini melaporkan suatu kajian rintis yang telah dijalankan dengan melibatkan 34 orang guru bahasa Arab. Kajian rintis ini bertujuan untuk menyemak tahap kesahan item-item yang telah dibangunkan oleh penyelidik berasaskan kepada kerangka TPACK (Technological Pedagogical Content Knowledge Framework). Dapatan analisis menunjukkan nilai Conbrach Alpha untuk item-item dalam semua lapan konstruk adalah lebih daripada 0.6 dan dianggap tinggi. Dapatan ini membuktikan bahawa instrumen soal selidik yang dibangunkan adalah sah dan boleh digunakan untuk kajian sebenar. Konstruk-konstruk yang dibina mengikut kerangka TPACK juga mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh itu, kajian pada masa hadapan boleh mempertimbangkan untuk menilai tahap kesediaan guru dalam penggunaan teknologi atau inovasi melalui kerangka yang diterangkan dalam kertas konseptual ini.

Kata Kunci: Inovasi pengajaran, guru bahasa Arab, kajian rintis, kesediaan guru.

Abstract: The shift into the 21st century education era has provided space for teachers to improve the quality of teaching with the integration of technology. As stated in the Malaysia Education Blueprint 2013-2025, teachers are encouraged to use the latest innovations in the teaching and learning process. Although studies related to teacher teaching innovation have reported a positive impact, there are still constraints that need to be examined particularly in terms of teachers' willingness to use a particular technology or innovation. Thus, this conceptual paper reports a pilot study that has been conducted involving 34 Arabic language teachers. This pilot study aims to check the level of validity of the items that have been developed by researchers based on the TPACK (Technological Pedagogical Content Knowledge Framework) framework. The findings of the analysis showed that the Conbrach Alpha value for the items in all eight constructs was more than 0.6 and was considered high. These findings prove that the questionnaire instrument developed is valid and can be used for actual research. Constructs built according to the TPACK framework also have high reliability values. Therefore, future studies may

consider assessing the level of teacher readiness in the use of technology or innovation through the framework described in this conceptual paper.

Keywords: Teaching innovation, Arabic teacher, pilot study, teacher willingness.

Cite This Article:

Amylia Adrina Roslan & Harun Baharudin. (2024). Inovasi Pengajaran Guru dan Pengaruhnya: Suatu Kajian Rintis Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab [Teaching Innovation and Its Influence: A Pilot Study on Arabic Language Teachers]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 4(1), 63-74.

PENGENALAN

Seiring dengan perkembangan pendidikan abad ke-21, kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggalakkan penggunaan teknologi di sekolah bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara dan bergerak seiring dengan peredaran masa. Penggunaan teknologi dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) menjadi pemacu utama dalam memastikan persekitaran pembelajaran di sekolah adalah kondusif dan efektif (Siong & Kamisah Osman, 2018). Bahkan menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM), antara salah satu anjakan tranformasi pendidikan yang telah gariskan adalah mengenai keperluan memanfaatkan penggunaan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. Hal ini jelas menunjukkan pihak kerajaan amat memandang serius berkaitan kualiti pendidikan di negara ini. Tambahan pula, kajian lepas turut melaporkan kepentingan guru dalam membantu meningkatkan keberhasilan pelajar dalam pendidikan (Churchward & Willis, 2019).

Menurut Abdul Halim Masnan et al. (2019), kajian kompetensi guru sebelum ini menunjukkan bahawa kebanyakan guru masih tidak dapat menyampaikan pengajaran dengan berkesan sungguhpun terdapat guru yang cemerlang. Keadaan ini adalah berpunca daripada kaedah pengajaran yang tidak berfokuskan kepada pelajar dengan gaya pengajaran yang pasif. Gaya pengajaran yang pasif adalah apabila guru berperanan sebagai pemberi maklumat utama, dan pelajar berperanan sebagai penerima maklumat yang pasif. Dalam gaya pengajaran ini, interaksi antara guru dan pelajar adalah terhad, dan pelajar biasanya tidak terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran. Sesuatu kandungan pengajaran juga disampaikan dalam bentuk syarahan atau penerangan untuk dihafal tanpa melibatkan aktiviti aktif yang merangsang tahap kemahiran berfikir pelajar. Keadaan ini memerlukan pihak guru dan sekolah untuk mengkaji bagaimana teknologi dan inovasi pengajaran boleh diintegrasikan dengan lebih berkesan.

Perkembangan pesat pendidikan abad ke-21 juga telah memungkinkan guru-guru untuk lebih mahir dalam menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) untuk tujuan pembelajaran. Di negara barat, peningkatan pengintegrasian TMK dalam bilik darjah amat memberangsangkan. Dalam era ini, terdapat dua bidang utama yang harus diberi tumpuan oleh guru (Lawrence & Tar, 2018). Bidang pertama ialah penglibatan pembelajaran dengan menggunakan teknologi. Guru diberi pendedahan berkaitan penggunaan TMK dari segi keperluan peribadi dan profesional. Tahap kecekapan ini sering dikenali sebagai literasi TMK di mana guru dapat menggunakan TMK untuk tujuan umum seperti . Bidang kedua memfokuskan kepada penggunaan TMK dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bidang

ini memberi penekanan terhadap penggunaan TMK dalam membolehkan pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan lebih efektif dan relevan.

Penggunaan TMK yang berkesan melalui pengetahuan pedagogi yang betul juga telah dikenal pasti sebagai pemangkin kepada pencapaian pelajar. Kajian Son (2018) telah menggariskan kepentingan guru-guru dilatih dalam menggunakan TMK agar hasil optimum dapat dicapai. Bernacki et al. (2020) turut menunjukkan bahawa dengan perkembangan teknologi seperti telefon mudah alih, pendekatan yang lebih menarik minat pelajar dapat dilaksanakan. Menurut mereka, sekiranya teknologi mudah alih digunakan secara sistematik dan dirancang dengan betul, pelajar akan memberikan fokus kepada proses pembelajaran. Namun begitu, keadaan ini hanya akan berlaku sekiranya guru mempunyai pengetahuan TMK yang mencukupi selain menjalani latihan tentang integrasi teknologi dalam pengajaran.

Inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran bukanlah bererti guru-guru terus menggunakan TMK dalam pengajaran tanpa perancangan betul. Inovasi-inovasi pengajaran bertujuan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar di samping membantu mereka dalam menguasai sesuatu subjek (Son, 2018). Manfaat ini menunjukkan kepentingan inovasi dalam pendidikan, khususnya dalam membolehkan guru untuk menerapkan pelbagai bentuk inovasi di dalam bilik darjah. Namun, banyak guru menghadapi cabaran dalam melaksanakannya. Kos, aksesibiliti, dan masa sering menjadi halangan besar terhadap pelaksanaan inovasi di bilik darjah. Selain itu, kekurangan pengetahuan tentang cara penggunaan teknologi dengan efektif untuk memanfaatkan pelbagai subjek juga merupakan halangan yang penting (Almekhlafi, 2021). Justeru itu, kesediaan guru dalam menggunakan teknologi perlu diteliti dengan lebih baik agar mereka dapat mengoptimumkan integrasi teknologi dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran.

PERNYATAAN MASALAH

Keperluan untuk menyelidik kesediaan guru dalam menggunakan teknologi atau inovasi dalam proses PdPc tidak terhad kepada bidang-bidang sains dan teknologi. Senario yang sama juga turut dikenal pasti dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah menengah. Namun begitu, secara umumnya keberkesanan dalam pembelajaran bahasa Arab adalah bergantung kepada tiga elemen utama iaitu pengajar, pelajar dan kaedah pengajaran yang digunakan. Menurut Ab. Halim Ismail (2005), seseorang guru bahasa Arab memainkan peranan dalam mengesan permasalahan dalam proses pengajaran dengan menyelidik isu-isu berkaitan pelajar, hasil pembelajaran atau situasi pembelajaran. Kebanyakan permasalahan yang timbul dalam pembelajaran bahasa Arab adalah disebabkan daripada sikap guru yang tidak peka dengan keberkesanan pendekatan pengajaran yang digunakan dalam menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab dengan berkesan. Keadaan ini adalah ekoran daripada guru-guru yang tidak memahami kepentingan pemilihan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dalam mempengaruhi kualiti pengajaran dan pembelajaran. Hal ini akan menyebabkan pelajar menjadi pasif dan tidak fokus semasa proses pembelajaran dijalankan. Menurut Al-Muslim dan Zamri Arifin (2012) keberkesanan terhadap mata pelajaran yang diajar dapat dikenalpasti berdasarkan perubahan positif pelajar terhadap mata pelajaran tersebut.

Permasalahan dalam pengajaran bahasa Arab juga dapat dibuktikan menerusi kajian lepas oleh Samah (2012) mengenai tujuh isu yang menjadi punca dan cabaran dalam pendidikan bahasa Arab. Antara isu yang dijelaskan oleh beliau ialah pelajar menjadi pasif dalam pembelajaran bahasa Arab adalah disebabkan pembelajaran yang berpusatkan guru dan pengajaran yang berteraskan kepada terjemahan teks. Sehubungan dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat kini, kaedah pengajaran berbentuk tradisional kini tidak lagi relevan untuk digunakan khususnya dalam pengajaran bahasa Arab. Oleh itu, guru bahasa Arab perlu sentiasa melakukan penambahbaikan dalam pengajaran agar pelajar bersemangat dan seronok untuk mempelajari bahasa Arab.

Selain itu, pembelajaran bahasa Arab juga seringkali menimbulkan persepsi negatif dalam kalangan pelajar. Oleh itu, guru memainkan peranan yang penting bagi menghilangkan persepsi tersebut sekaligus meningkatkan kualiti pengajaran. Guru yang berkesan adalah guru yang berupaya mempelbagaikan strategi pembelajaran supaya menjadi lebih menarik dan menyeronokkan. Keadaan ini sering berlaku ekoran kelemahan dalam pemilihan pendekatan pengajaran yang efektif dan merangsang penglibatan pelajar. Zamri Mahamod (2012) menjelaskan bahawa guru perlu mempelajari kaedah pengajaran yang pelbagai selain daripada kemahiran untuk memadankan kaedah yang betul untuk disatukan sebagai strategi pengajaran yang efektif.

Di samping itu, kelemahan pemilihan alat bantu mengajar (ABM) yang sesuai oleh guru juga akan menyebabkan proses pengajaran kurang berkesan dan membosankan. Mohd Faez et al. (2013) menyatakan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar amat penting untuk menyokong proses pengajaran yang dijalankan. Berdasarkan kepada kajian Zamri Ariffin (2014), kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab sering menjadi rungutan dan keluhan dalam kalangan pengajar dan pengkaji pembelajaran bahasa Arab. Hal ini disebabkan pembelajaran bahasa Arab yang berasaskan terjemahan teks, kekurangan aktiviti yang menarik, kekurangan bahan atau alat bantu mengajar serta kurangnya komunikasi yang berlaku antara pelajar dengan pengajar. Kesilapan pemilihan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai juga menjadi penyumbang kepada masalah dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Menurut Walker (2003), jika guru ingin pelajar mencapai tahap pemikiran kritikal maka kaedah pembelajaran seperti teknik kuliah perlu dikurangkan supaya peranan dan kemahiran pelajar dapat ditingkatkan dalam mencari dan mempersembahkan sesuatu maklumat. Penggunaan teknik kuliah dalam pengajaran akan menyebabkan pelajar mudah bosan dan mengantuk dalam pembelajaran. Hal ini disebabkan peranan mereka sekadar menjadi pendengar dan pencatat maklumat sahaja. Oleh itu, guru perlu melakukan penambahbaikan dari segi bahan bantu mengajar dalam pengajaran mereka supaya lebih berinovasi dalam usaha untuk memperbaiki kaedah pengajaran.

Keberkesanan proses pengajaran juga berkait rapat dengan kepelbagaian penggunaan teknologi dalam pembelajaran. Menurut Al-Muslim Mustapa dan Zamri Arifin (2012), permasalahan dalam pengajaran bahasa Arab adalah disebabkan corak pengajaran statik yang dilaksanakan di dalam kelas. Kebanyakan kelas hanya terhad kepada penggunaan buku teks untuk menghadapi peperiksaan semata-mata dan mempunyai kekurangan dalam pedagogi (Rahimi Md Saad et al., 2016). Pendekatan pengajaran tradisional dan sehalu dalam pengajaran bahasa Arab tanpa melibatkan sebarang penggunaan kemudahan teknologi ICT dan aktiviti luar

jelas akan menjadikan pelajar mudah bosan dan mengantuk ketika mengikuti kelas tersebut. Keadaan ini secara tidak langsung dapat mengganggu fokus pelajar di dalam pembelajaran mereka. Keadaan ini secara tidak langsung juga akan membataskan tahap pemikiran pelajar untuk berfikir aras tinggi kerana mereka tidak dilatih untuk berbuat demikian. Maklumat yang dipelajari sangat terbatas dan hanya berdasarkan pengajaran guru semata-mata. Justeru, guru perlu memikirkan pendekatan pengajaran yang lebih menarik, interaktif, terkini dan kreatif supaya pelajar lebih seronok dan bersemangat dan aktif dalam mengikuti pembelajaran bahasa Arab.

Menurut Gamal Abdul Nasir Zakaria et al. (2015), mentaliti pengajar yang kurang inisiatif untuk mencuba kaedah baru dalam pengajaran bahasa Arab turut menjadi faktor kepada masalah pembelajaran bahasa tersebut. Hal ini disebabkan kebanyakan guru lebih selesa dengan kaedah penyampaian sehalu kerana ia dianggap lebih menjimatkan masa dan tenaga. Terdapat juga segelintir guru bahasa Arab yang tidak mahir menggunakan teknologi dan merasakan cara pengajaran tersebut hanya membuang masa dan menyusahkan mereka untuk menyediakan bahan yang banyak dan merumitkan. Che Zanariah dan Fadzillah (2011) menegaskan bahawa kebanyakan guru masih didapati tidak mengamalkan pelbagai strategi dalam bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan walaupun telah banyak kajian lepas yang menyatakan kepentingannya bagi memastikan strategi pengajaran lebih berkesan. Hal ini mungkin juga disebabkan mereka kekurangan maklumat dan pengetahuan mengenai pendekatan terbaru yang lebih efektif dan bersesuaian yang boleh digunakan dalam pengajaran bagi menarik minat pelajar. Menurut Norashid dan Hamzah (2014), tugas pentadbiran yang terlalu banyak merupakan antara faktor kenapa kebanyakan guru tidak mahu mencuba sesuatu yang baru. Maka dalam usaha untuk meningkatkan prestasi pelajar, kesediaan guru untuk membuat perubahan dalam pengajaran perlu diberi perhatian supaya objektif pendidikan tercapai selain meningkatkan motivasi dan daya saing yang tinggi dalam kalangan pelajar dalam mempelajari bahasa Arab dengan lebih berkesan. Maka aspek kesediaan guru merupakan faktor utama kepada keberkesanan dan kegagalan sesuatu inovasi (Rajendran, 2001).

Menyedari isu-isu yang dijelaskan di atas, kajian rintis ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti skop-skop penting dalam meneliti tahap kesediaan guru-guru bahasa Arab dalam mengintegrasikan teknologi. Kajian ini bertujuan menyemak tahap kebolehpercayaan item-item dalam borang soal selidik yang telah dibangunkan oleh penyelidik berasaskan kepada kerangka TPACK yang akan dijelaskan di bahagian seterusnya.


PENGAJARAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia melibatkan penekanan terhadap penguasaan kemahiran menulis, membaca, mendengar dan bertutur. Namun, Nik Mohd Rahimi et al. (2008) menyatakan bahawa pembelajaran bahasa Arab di Malaysia lebih mengutamakan kemahiran mendengar dan bertutur berbanding dua kemahiran yang lain. Penekanan ini mungkin disebabkan kesukaran untuk mengajar tulisan Arab tanpa alat bantu mengajar yang bersesuaian.

Dari sudut kurikulum bahasa Arab, Kementerian Pendidikan Malaysia telah merangka sukatan yang sesuai berdasarkan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Penyeleraan ini telah membolehkan bahasa Arab diajar di Sekolah Menengah Agama dan Kelas Aliran Agama secara tersusun. Pada tahun 2010, sukatan sedia ada telah dimurnikan di bawah pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi turut dimasukkan dalam kurikulum ini di samping pertambahan Kurikulum Bersepadu Tahfiz dan Kurikulum Bersepadu Diri. Secara amnya, kurikulum yang dibangunkan adalah selari dengan kehendak semasa dan guru-guru disaran untuk menekankan konsep pembelajaran abad ke-21 dengan melibatkan pendekatan yang menggunakan teknologi. Penekanan terhadap pembelajaran aktif turut diberikan agar pelajar tidak hanya menghafal untuk peperiksaan dan melihat pembelajaran bahasa Arab sebagai satu kemahiran penting.

TEORI PENYERAPAN INOVASI (TPACK)

Untuk mengkaji kesediaan guru, kerangka TPACK (Technological Pedagogical Content Knowledge Framework) yang diperkenalkan oleh Mishra dan Koehler (2006) sering kali digunakan oleh penyelidik dalam kajian-kajian lepas (Nazaruddin Ali Basyah et al., 2021). Kerangka TPACK yang memfokuskan kepada pengetahuan teknologi (TK), pengetahuan pedagogi (PK), dan pengetahuan kandungan (CK), menawarkan pendekatan yang produktif kepada guru dalam melaksanakan teknologi pendidikan di dalam bilik darjah mereka. Dengan membezakan antara ketiga-tiga jenis pengetahuan ini, kerangka TPACK menggariskan bagaimana kandungan (apa yang diajar) dan pedagogi (bagaimana guru menyampaikan kandungan itu) mesti membentuk asas bagi sebarang integrasi teknologi pendidikan yang berkesan. Pertalian ini adalah penting kerana teknologi yang dilaksanakan mesti menyampaikan kandungan dan menyokong pedagogi untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar.



Rajah 1. Kerangka TPACK (Mishra & Koehler, 2006)

Dalam kerangka TPACK ini, tiga skop utama iaitu teknologi, pengetahuan, pedagogi dan isi pelajaran adalah saling berkaitan dan tidak harus dinilai secara individu. Ketiga-tiga komponen ini dapat dijalinan untuk membentuk kaedah pengajaran yang lebih efektif. Oleh itu, TPACK memerlukan seseorang ujur untuk memahami setiap komponen ini secara jelas dan melakukan intervensi yang sesuai dalam merancang penggunaan teknologi untuk tujuan pengajaran. Ketiadaan pertalian antara komponen-komponen ini akan menyebabkan keputusan yang dilakukan itu tidak dapat memenuhi keberhasilan pengajaran.

Menurut rangka kerja TPACK, alat teknologi khususnya perkakasan, perisian, aplikasi, amalan literasi maklumat yang berkaitan dan sebagainya paling baik digunakan untuk mengarahkan dan membimbing pelajar ke arah pemahaman yang lebih baik dan mantap tentang perkara itu. Tiga jenis pengetahuan TK, PK, dan CK dengan itu digabungkan dan digabungkan semula dalam pelbagai cara dalam rangka kerja TPACK. Pengetahuan pedagogi teknologi (TPK) menerangkan hubungan dan interaksi antara alat teknologi dan amalan pedagogi khusus, manakala pengetahuan kandungan pedagogi (PCK) menerangkan perkara yang sama antara amalan pedagogi dan objektif pembelajaran khusus; akhirnya, pengetahuan kandungan teknologi (TCK) menerangkan hubungan dan persimpangan antara teknologi dan objektif pembelajaran. Ketiga-tiga komponen utama ini kemudiannya membentuk TPACK, yang mempertimbangkan hubungan antara ketiga-tiga bidang dan mengakui bahawa pendidik bertindak dalam ruang yang kompleks ini (Mishra & Koehler, 2006).

Dalam ketekunan guru-guru mencipta ruang pengajaran yang melibatkan teknologi maklumat, mereka lebih memberi tumpuan kepada kecanggihan aplikasi atau perisian yang dipilih. Keadaan ini dapat dilihat dalam golongan guru pelatih atau guru baru kerana mereka lebih cenderung untuk menggunakan teknologi selain meningkatkan pengetahuan pedagogi mereka (Mishra & Koehler, 2006). Walau bagaimanapun, guru berpengalaman turut memerlukan sokongan khusus untuk membantu mereka dalam proses adaptasi teknologi dalam pengajaran. Guru-guru ini walaupun sudah biasa dengan kaedah pengajaran konvensional, mereka masih boleh dilatih semula untuk lebih kerap menggunakan teknologi atau inovasi dalam pengajaran. Melalui penilaian kesediaan mereka berdasarkan kepada TPACK, guru-guru dari segenap golongan umur dapat dibantu dengan intervensi yang sesuai.

Secara umumnya, TPACK dapat menilai kemampuan guru dalam menggabungkan pengetahuan tiga komponen utama iaitu teknologi, pedagogi dan isi pelajaran dalam pengajaran. TPACK merupakan asas dalam pengajaran menggunakan teknologi. Ia memerlukan guru untuk menguasai konsep penggunaan teknologi, teknik pedagogi yang menggunakan teknologi secara membina untuk mengajar sesuatu kandungan mata pelajaran. Kerangka ini juga boleh digunakan untuk mengetahui masalah yang menyebabkan mudah dan sukar pelajar dalam pembelajaran dan bagaimana penggunaan teknologi membantu menyelesaikan adalah tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian rintis ini direka bentuk mengikut keadah kuantitatif. Kaedah tinjauan yang menggunakan borang soal selidik telah digunakan dalam proses pengumpulan data. Kaedah ini dipilih kerana data yang dikumpul adalah lebih sesuai untuk analisis rintis yang dikehendaki di

sampling mengekalkan konsistensi dari segi kutipan data (Piaw, 2006). Sampel bagi kajian rintis ini terdiri daripada 34 orang guru bahasa Arab (6 lelaki dan 28 perempuan) dari beberapa sekolah di negeri Perlis. Latar belakang sampel kajian rintis ini adalah hampir sama dengan sampel kajian sebenar yang terdiri daripada kriteria sama yang sama. Walau bagaimanapun, kajian rintis ini tidak melibatkan sampel sebenar supaya tidak berlaku isu berat sebelah dalam proses analisis kerana mereka sudah menjawab soalan yang sama (Noraini Idris, 2013).

Kajian rintis ini menggunakan teknik persampelan rawak mudah dalam memilih sampel kajian. Pemilihan teknik persampelan rawak mudah untuk memastikan tiada bias dalam pemilihan sampel (Noraini Idris, 2013). Malahan, menurut Krejcie dan Morgan (1970) peranan pensampelan kajian sangat penting dalam memastikan bilangan data yang diperolehi daripada soal selidik dapat dianalisis dengan tepat bagi menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Analisis kajian ini menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 23 bagi menganalisis data secara deskriptif agar menjawab persoalan kajian dengan tepat dan mudah difahami dengan jelas. Untuk pelaporan kajian ini, data dianalisis dengan memerihalkan nilai kebolehpercayaan (reliability) Cronbach Alpha bagi keseluruhan item soal selidik.

Kebenaran menjalankan kajian telah diperolehi terlebih dahulu daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia secara bertulis. Kemudian proses mendapatkan kelulusan menjalankan kajian di Jabatan Pelajaran Negeri telah dipersetujui dan dimaklumkan kepada sekolah yang terlibat. Permohonan untuk menjalankan kajian mengambil masa hampir tiga minggu. Kemudian, proses pengumpulan data dijalankan selama 1 minggu kerana satu taklimat dijalankan agar soal selidik dapat ditadbir dengan baik.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini telah dilaksanakan untuk mengukur tahap kebolehpercayaan item-item yang digunakan dalam kajian ini. Terdapat lapan konstruk telah diuji:

- i. Tahap Pengetahuan Teknologi Guru Bahasa Arab
- ii. Tahap Pengetahuan Pedagogi Guru Bahasa Arab
- iii. Tahap Pengetahuan Kandungan Guru Bahasa Arab
- iv. Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Arab
- v. Tahap Pengetahuan Teknologi Kandungan Guru Bahasa Arab
- vi. Tahap Pengetahuan Teknologi Pedagogi Guru Bahasa Arab
- vii. Tahap Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Arab
- viii. Inovasi Pengajaran Guru Bahasa Arab.

Bahagian pertama borang soal selidik melibatkan maklumat latar belakang responden. Daripada 34 orang guru, 32 berusia dalam lingkungan 26 hingga 30 tahun, manakala hanya 2 orang guru tergolong dalam lingkungan 31 hingga 35 tahun. Untuk kelulusan tertinggi akademik pula, kesemua guru memiliki Ijazah Sarjana Muda dan dua lagi mempunyai Sarjana. Majoriti responden dalam kajian rintis ini sememangnya mempunyai kelayakan akademik yang

berkaitan dengan bahasa Arab atau pendidikan Islam. Hanya 4 orang guru yang dilatih dalam bidang atau opsyen lain. Jadual 1 menunjukkan bidang pengajian mereka.

Jadual 1: Pecahan bidang pengajian responden

Bidang	Bilangan	Peratusan
Bahasa Arab	24	70.6%
Pendidikan Islam	2	5.9%
Pengajian Syariah	2	5.9%
Pengajian Usuluddin	2	5.9%
Lain-lain	4	11.8%
Jumlah	34	100%

Analisis Cronbach Alpha telah dijalankan untuk menentukan ketekalan dalaman soal selidik. Untuk tujuan ini, nilai Cronbach Alpha dirujuk sebagai ukuran kebolehpercayaan (McDonald, 1999). Berdasarkan Sekaran (2000), nilai Cronbach Alpha yang lebih besar daripada 0.61 dianggap boleh diterima. Secara umumnya, interpretasi nilai Cronbach Alpha boleh ditentukan secara berikut: kebolehpercayaan tidak boleh diterima: <0.6 , kebolehpercayaan rendah: 0.7 , kebolehpercayaan sederhana hingga tinggi: $0.8-0.9$, kebolehpercayaan yang tinggi: >0.9 . Mengikut keputusan nilai Cronbach alpha berjulat antara $0.75-0.97$ menunjukkan konsistensi dalaman yang baik.

Jadual 2 menunjukkan nilai Cronbach Alpha untuk item-item dalam 8 konstruk yang dimasukkan dalam borang soal selidik kajian rintis ini.

Jadual 2. Nilai Cronbach Alpha untuk item soal selidik

Kod	Konstruk	Cronbach Alpha	Bilangan Item
B	Tahap Pengetahuan Teknologi Guru Bahasa Arab	0.93	15
C	Tahap Pengetahuan Pedagogi Guru Bahasa Arab	0.90	13
D	Tahap Pengetahuan Kandungan Guru Bahasa Arab	0.97	13
E	Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Arab	0.94	7
F	Tahap Pengetahuan Teknologi Kandungan Guru Bahasa Arab	0.86	6

G	Tahap Pengetahuan Teknologi Pedagogi Guru Bahasa Arab	0.87	10
H	Tahap Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Arab	0.75	9
I	Inovasi Pengajaran Guru Bahasa Arab	0.90	14

Secara keseluruhannya, Jadual 2 menunjukkan bahawa setiap item dalam konstruk TPACK dalam kalangan guru bahasa Arab mempunyai nilai Cronbach Alpha melebihi 0.61. Dapatan ini jelas selari dengan dapatan Muhammad Rusdi Ab Majid dan Zawawi Ismail (2018) di mana instrument yang dibangunkan mengikut kerangka TPACK dapat mengenal pasti tahap kesediaan guru dalam mengintegrasikan teknologi dan inovasi dalam pengajaran. Namun begitu, bahagian H iaitu Tahap Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Arab mempunyai nilai Cronbach Alpha paling rendah dalam kajian rintis ini. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh tahap pengetahuan guru bahasa Arab tentang item-item berkaitan pedagogi kandungan yang mungkin dianggap sama dengan pedagogi umum. Seperti yang dinyatakan oleh Bingimlas (2018), kebanyakan guru dilatih dengan pedagogi secara umum dan tidak difokuskan kepada pedagogi yang khusus kepada subjek yang mereka mengajar. Contohnya dalam pengajaran bahasa, guru-guru tidak didedahkan dengan teknik-teknik atau pedagogi pengajaran yang lebih sesuai untuk pembelajaran bahasa. Keadaan ini menyebabkan kebanyakan guru menggunakan pedagogi umum seperti syarahan, baca dan tulis, latih tubi dalam kelas mereka.

KESIMPULAN

Kajian rintis ini telah memberikan dapatan yang memuaskan khususnya dari segi mengenal pasti tahap kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam borang soal selidik yang dibangunkan. Di samping itu, keberkesanaan kerangka TPACK dalam mengkaji kesediaan guru-guru bahasa Arab dalam proses penggunaan teknologi dan inovasi dalam pengajaran juga dilihat sebagai berguna. Melalui kajian rintis ini, penyelidik turut dapat mengenal pasti kelemahan dari segi pelaksanaan kajian khususnya dalam pemilihan sampel yang lebih sistematik untuk kajian sebenar. Kajian ini hanya terhad kepada 34 orang guru dan majoriti daripada mereka adalah perempuan dan berada dalam lingkungan umur yang sama. Kajian sebenar kelak akan mengambil kira lingkungan umur yang berlainan di samping mencakupi pengalaman mengajar yang berbeza. Hal ini adalah kerana golongan guru yang telah lama mengajar mungkin akan lebih tidak selesa dengan penggunaan teknologi dan perspektif mereka juga perlu diambil kira dalam kajian sebegini.

RUJUKAN

Ab. Halim Ismail. 2005. pengajaran bahasa arab melalui kaedah komunikatif. Dlm. Hassan Basri Awang Mat Dahan, Zawawi Ismail & Muhammad Azhar Zailani. (pnyt.).

- Pendidikan Islam dan bahasa Arab: Perspektif Pengajian Tinggi*, hlm. 137-162. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Abdul Halim Masnan, Nur Ellina Anthony & Nur Arifah Syahindah Zainudin. 2019. Pengetahuan pengajaran dalam kalangan guru prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan* 8:33-41.
- Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin. 2012. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab: satu tinjauan literatur di Negeri Sembilan. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Almekhlafi, A.G. 2021. The effect of e-books on preservice student teachers' achievement and perceptions in the United Arab Emirates. *Education and Information Technologies* 26(1): 1001-1021.
- Bernacki, M. L., Greene, J. A. & Crompton, H. 2020. Mobile technology, learning, and achievement: Advances in understanding and measuring the role of mobile technology in education. *Contemporary Educational Psychology*, 60.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. 2011. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1): 67-87.
- Churchward, P. & Willis, J. 2019. The pursuit of teacher quality: Identifying some of the multiple discourses of quality that impact the work of teacher educators. *Asia-Pacific Journal of Teacher Education* 47(3): 251-264.
- Bingimlas, K., 2018. Investigating the level of teachers' Knowledge in Technology, Pedagogy, and Content (TPACK) in Saudi Arabia. *South African Journal of Education*, 38(3).
- Gamal Abdul Nasir Zakaria, Salwa Mahalle & Aliff Nawi. 2015. Kajian amalan pengajaran guru bahasa Arab sekolah menengah di negara Brunei Darussalam. *Sains Humanika*, 10(3).
- Habib Mat Som. 2005. Profil kesediaan guru sekolah menengah terhadap pelaksanaan perubahan kurikulum. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Krejcie, R. V, & Morgan, D. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement* 30:607-610.
- Lawrence, J.E. & Tar, U.A., 2018. Factors that influence teachers' adoption and integration of ICT in teaching/learning process. *Educational Media International* 55(1): 79-105.
- McDonald, R. P. 1999. *Test theory: A unified treatment*. Mahwah, NJ: LEA.
- Mishra, P. & Koehler, M.J. 2006. Technological Pedagogical Content Knowledge: a framework for teacher knowledge. *Teachers College Record* 108(6): 1017-1054.
- Muhammad Rusdi Ab Majid & Zawawi Ismail., 2018. Pengetahuan Teknologi Guru Bahasa Arab Dan Hubungannya Dengan Kreativiti Pengajaran Di Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 18(1).
- Nazaruddin Ali Basyah, Irham Fahmi, Zakaria A. Jalil, Basyah, N.A., Fahmi, I. & Jalil, Z.A., 2021. Penggunaan teknologi guru dalam jabatan melalui kerangka kerja Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK). *Aksara: Jurnal Ilmu Pendidikan Nonformal* 7(3):1245-1250.

- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Zamri Mahamod, & Kamarulzaman Abd Ghani. (2008). Motivasi Pembelajaran Kemahiran Mendengar Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Pencapaian Pelajar. *Jurnal Pendidikan* 33: 3-18
- Norashid Othman & Hamzah Md. Omar. 2014. Beban tugas dan motivasi pengajaran guru di sekolah menengah daerah Ranau. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 5: 35-37.
- Noraini Idris, 2013 *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education
- Rahimi Md. Saad, Zawawi Ismail & Wan Nordin Wan Abdullah. 2005. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berasaskan web. *Buletin IPBL*: 1-15.
- Piaw, C.Y., 2006. *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Rajendran, N. S. 2001. Amalan berdaya fikir pengajaran pembelajaran bahasa Melayu dalam bilik darjah. *Prosiding Konvensyen Pendidikan Ke-10*, hlm. 1-20. Kuala Lumpur, Institut Bahasa Melayu Malaysia.
- Samah, R. B. 2012. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sekaran U. 2000. *Research Methods for Business: A Skill Business Approach*. New York: John Wiley & Sons.
- Siong, W.W. & Osman, K., 2018. Pembelajaran Berasaskan Permainan dalam pendidikan STEM dan penguasaan kemahiran abad ke-21. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities* 3(1):121-135.
- Son, J.B., 2018. *Teacher development in technology-enhanced language teaching*. Springer International Publishing.
- Walker, D. 2003. *Fundamentals of curriculum: passion and professionalism*. Edisi ke-2. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Zamri Mahamod. 2012. *Inovasi P dan P: dalam pendidikan bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Ariffin, Ezad Azraai Jamsari, Khaulah Riddzwan, Muhamad Ridzuan Abdul Latif & Zulazhan Ab Halim. 2014. Attitudes of Distance Learning Students at UKM's Faculty of Islamic Studies Towards Learning Arabic Language Skill Courses. *Turkish Online Journal of Distance Education* 15(1): 174-188.